

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menyalurkan peruntukan yang diluluskan terdahulu dan mohon peruntukan tambahan untuk membina semula sekolah- sekolah daif di seluruh negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) iaitu bagi tahun 2016 sehingga 2020 dan Rancangan Malaysia ke-12 *Rolling Plan 1* (RP 1) tahun 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diluluskan sebanyak 352 projek untuk naiktaraf dan pembangunan semula sekolah yang mempunyai bangunan daif di negeri Sarawak dengan kos berjumlah RM2.169 bilion. Sehingga 27 September 2021, sebanyak 178 projek telah siap, 64 projek masih dalam fasa pembinaan dan 110 projek berada di dalam fasa pra bina.

Berdasarkan kepada prestasi pelaksanaan, sehingga 27 September 2021, sejumlah RM686 juta telah dibelanjakan. Manakala keperluan peruntukan bagi membiayai projek dalam pelaksanaan dan pra bina akan disediakan berdasarkan kepada prestasi semasa projek dan unjuran keperluan oleh agensi pelaksana. Peruntukan bagi pelaksanaan projek ini akan disalurkan secara berperingkat oleh KPM kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sarawak selaras dengan keperluan dan unjuran yang disediakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keutamaan KPM adalah terhadap sekolah-sekolah yang mempunyai bangunan daif pada skala 6 dan skala 7. Bangunan-bangunan daif ini akan dibaik pulih, dinaik taraf atau dibina bangunan gantian. Sehubungan itu, KPM akan mengemukakan cadangan pembinaan sekolah-sekolah tersebut kepada pihak agensi pusat untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Walau bagaimanapun kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan.